

21 SEP 1997

ANWAR BATAL PEMERGIAN KE NEW YORK

HONG KONG, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membuat keputusan untuk membatalkan pemergiannya ke New York minggu depan bagi berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA).

Katanya beliau terpaksa berbuat demikian kerana mahu menumpukan perhatian terhadap masalah dalam negara seperti jerebu, kewangan dan ekonomi.

"Saya ambil keputusan ini dua hari lalu untuk membatalkan menyampaikan ucapan di UNGA Rabu ini dan kunjungan ke Washington," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini, hari ini.

Anwar berkata beliau juga perlu memberi perhatian secara langsung kepada masalah dalaman negara kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas untuk lawatan ke Cuba dan Argentina minggu depan. --  
BERNAMA

AU OBA